

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR ]**

**SOALAN :** Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah kriteria yang ditetapkan oleh kerajaan untuk melantik pemborong-pemborong beras ST15, dan untuk memberikan senarai terbaru pemborong-pemborong dipilih termasuk amaun kuota yang telah diberi sejak November 2015 sehingga Februari 2015.

**JAWAPAN:**

Kriteria yang telah ditetapkan ke atas pemborong Beras Nasional ST15% adalah ditetapkan seperti berikut:

- i. Mempunyai Lesen Borong Beras;
- ii. Mempunyai kemudahan asas sebagai pemborong iaitu mempunyai stor atau gudang had kapasiti simpanan minimum 50MT pada satu-satu masa serta mempunyai kelengkapan seperti berikut:
  - a. sebuah forklift dengan keupayaan mengangkut tidak kurang 1MT;
  - b. mesin pengampit sekurang-kurangnya semi auto dengan keupayaan minimum mengampit 2MT/jam (kecuali bagi program anak payung); dan
  - c. dilengkapi dengan silo, mesin pengayak, destoner dan grader (kecuali bagi program anak payung).

- iii. Jumlah agihan kuota yang diberikan kepada setiap pemberong adalah berdasarkan perkara seperti berikut:
  - a. had muatan gudang yang dinyatakan dalam lesen; dan
  - b. keupayaan mesin untuk mengampit beras.

Sehingga Mac 2015 kuota subsidi beras ST15% telah diagihkan kepada 879 pemberong yang layak melibatkan sebanyak 53,900 MT sebulan.

Sekian, terima kasih.